

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HKN 307 – Kesusasteraan Nusantara I :
Aspek Teori dan Kritikan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan in mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. *Setiap wacana tidak terujar bebas daripada naungan ideologi pengucapnya dan strategi penulisannya (Lerner). Setiap wacana hadir dalam situasi sejarah dan realiti sosial yang khas.*

Berdasarkan fahaman di atas, bincangkan pembentukan naratif Barat tentang Budaya Melayu (terutama hasil kesusasteraan) dalam konteks “ideologi”, “strategi penulisan” dan “realiti sosial” pada zaman kolonial dan pasca-kolonial.

2. Proses individualisasi, gerakan humanitarianisme dan mekanisme normalisasi, dianggap sebagai faktor-faktor yang memunculkan aliran pemodenan sastera Melayu. Bincangkan faktor-faktor tersebut dengan merujuk kepada era “Pencerahan Timur” yang memasuki dunia Melayu pada kurun ke 19/20.
3. Dalam era pasca-modern, dasar-dasar pemikiran modenisme yang telah membentuk jujuk ilmu pengetahuan telah dikritik. Bincangkan pandangan tersebut dalam hubungan dengan kemunculan teori-teori baru tentang wacana dan kemunculan aliran neo-tradisionalisme dalam sastera Melayu moden.

4. Bagi pengkaji yang cuba memahami teks masa silam, kesejarahan penafsiran (**historicity of interpretation**) adalah amat penting untuk membuka sikap yang disebut "**personism**". Bincangkan pandangan di atas dalam konteks teori resepsi yang menganggap bahawa dalam proses bacaan yang penting ialah "**the narrative as it occurs to the mind of the reader**" (Blok).

5. *To give a text an Author is to impose a limit on that text, to furnish it with a final signified, to close the writing (Barthes).*

Huraikan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada idea strukturalis tentang teks sastera dan hubungannya dengan teori intertekstual. Apakah implikasi pandangan-pandangan tersebut ke atas bacaan karya sastera ?

6. **Gagasan seperti autonomy of the aesthetic atau experience as the supreme value** dalam dunia sastera moden terbit daripada asumsi dasar bahawa manusia adalah **autonomous** dalam berkebudayaan (Kamal Hassan).

Perkembangkan pandangan di atas. Dengan berpandukan hujah-hujah anda tentang dasar-dasar teori sastera Barat moden dan pasca moden (terutama teori **deconstruction**), bincangkan pendapat-pendapat golongan pemikir teori yang menganggap bahawa teori-teori tersebut tidak sesuai untuk dijadikan landasan perkembangan teori sastera Melayu.

7. Baca sajak di bawah:

*Ngiau, Kucing dalam darah dia menderas lewat dia mengelir ngilu
Ngiau dia bergegas lewat dalam aortaku dalam rimba darahku dia
besar dia bukan harimau bukan singa bukan hiena bukan leopar
dia macam kucing bukan kucing tapi kucing ngiau dia
lapar dia merambah rimba afrikaku dengan cakarinya dengan
amuknya dia
meraung dia mengerang jangan beri daging dia tak mau daging
jesus! Jangan beri roti dia tak mau roti ngiau.*

Amuk

(Sutardji Calzoum Bachri)

Sajak di atas memperlihatkan ciri-ciri penyimpanan dalam sastera moden yakni apa yang disebut sebagai : defamiliarisasi, deotomatisasi (Shklovsky). Dengan berpandukan sajak di atas, huraikan ciri-ciri tersebut dalam konteks estetika pertentangan (Lotman). Berdasarkan proses bacaan yang disebut sebagai **naturalization** jelaskan bagaimana sajak tersebut dapat difahami.